



Garis Panduan Penggunaan Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang

DEFINASI : Merupakan kawasan hijau yang menjadi tumpuan awam bagi menjalankan aktiviti rekreasi aktif dan pasif yang diselenggara oleh Kerajaan dan penggunaan taman adalah percuma.

Merangkumi

- Taman negara, taman negeri, taman awam, taman rekreasi, taman botani, ruang awam, taman poket, kawasan persisiran sungai, waterfront, kawasan persisir pantai, dataran bandar dan taman permainan kanak-kanak di kawasan awam yang boleh digunakan secara percuma.
- Pengguna taman terbuka kepada semua. Walaubagaimanapun, kanak-kanak dibawah umur 12 tahun, OKU dan warga emas adalah tidak digalakkan.

Aktiviti yang dibenarkan

Rekreasi Aktif

- Semua aktiviti sukan yang di benarkan seperti di dalam SOP Sukan dan Rekreasi yang di sediakan oleh KBS

Rekreasi Pasif

- Bersiar-siar (berjalan kaki, mengambil gambar) dan beristirehat.
- Berkelah bersama dengan mengamalkan penjarakan sosial.

WAKTU OPERASI	MENGIKUT OPERASI SEBENAR TAMAN	KAPASITI PENGUNJUNG	KAPASITI SEBENAR PENGGUNA TAMAN	TEMPOH MASA BERADA DI TAMAN	MENGIKUT KESESUAIAN AKTIVITI PENGUNJUNG
---------------	--------------------------------	---------------------	---------------------------------	-----------------------------	---

Jenis-jenis taman rekreasi awam dan kawasan lapang

Jenis Taman Rekreasi Awam	Ciri-ciri
Taman Negara	Tiada had Keluasan
Taman Wilayah	Mempunyai keluasan dalam lingkungan 100 h (250 ekar)
Taman Bandaran	Mempunyai keluasan dalam lingkungan 40 h (100 ekar)
Taman Tempatan	Mempunyai keluasan dalam lingkungan antara 8-40 h (20-100 ekar)
Taman Kejiranan	Mempunyai keluasan dalam lingkungan 2-8 h (5-20 ekar)
Lot dan Padang Permainan	Lot Permainan -Mempunyai keluasan dalam lingkungan 0.2-0.6 h (0.5-2.5 ekar) Padang permainan -Mempunyai keluasan dalam lingkungan 0.6-2.0 hektar (1.5-5.0 ekar)
Taman Atas Bumbung	Mempunyai keluasan lantai minima bagi dalam lingkungan 0.093 hektar (0.23 ekar)

Sumber : Garis Panduan Lanskap Negara Taman, JLN 2006



Garis Panduan Penggunaan Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang (Pengurusan Taman - Pentadbiran)

Aktiviti yang dibenarkan

- Operasi Pejabat
- Operasi Kemudahan (Tandas Awam)
- Kawalan Keselamatan
- Mesyuarat / Taklimat dengan kaedah penjarakan sosial

WAKTU OPERASI	MENGIKUT OPERASI SEBENAR TAMAN	KAPASITI PEKERJA	100%	TEMPOH MASA BERADA DI TAMAN	WAKTU PEJABAT
---------------	--------------------------------	------------------	------	-----------------------------	---------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Mengambil dan merekod suhu badan pekerja	Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja.
Kawalan bilangan pekerja dan penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none">• Susun atur meja jarak 2 meter antara meja bagi membolehkan penjarakan sosial 1 meter.• Taklimat dengan jarak 1 meter antara pekerja.
Penggunaan <i>hand sanitiser</i>	Mewajibkan penggunaan cecair pembasmi kuman, atau menyediakan kawasan mencuci tangan dengan sabun.
Pemakaian topeng muka	Pekerja wajib memakai topeng muka (<i>face mask</i>) semasa bertugas.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Sebarang aktiviti yang tidak mematuhi penjarakan sosial adalah tidak dibenarkan.

Arahan Tetap / Catatan

- Operasi taman dibuka mengikut operasi sebenar taman
- Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari.
- Kawalan keselamatan taman setiap hari.
- Kawalan di pintu masuk bangunan pentadbiran.
- Memakai *face mask* sepanjang bertugas.



Garis Panduan Penggunaan Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang

(Pengurusan Taman-Pengurusan Pengunjung)

Aktiviti yang dibenarkan

Rekreasi Aktif

- Semua aktiviti sukan yang di benarkan seperti di dalam SOP Sukan dan Rekreasi yang di sediakan oleh KBS

Rekreasi Pasif

- Bersiar-siar (berjalan kaki, mengambil gambar) dan beristirehat.
- Berkelah bersama dengan mengamalkan penjarakan sosial.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Taman Permainan Kanak-kanak.
- *Children Waterplay*.
- *Outdoor gym*

Arahan Tetap / Catatan

- Tiada sebarang perhimpunan atau sukan berkumpulan yang tidak mematuhi penjarakan sosial.
- Keperluan kawalan kemasukan pengunjung mengikut jumlah pintu dibuka secara minimum (1 – 3 pintu utama sahaja).
- Bagi taman tidak berpagar, kawalan seperti pita dan kon keselamatan, serta papan tanda peringatan perlulah di letakkan disekeliling taman untuk mengawal pengunjung.

WAKTU OPERASI	MENGIKUT OPERASI SEBENAR TAMAN	KAPASITI PENGUNJUNG	KAPASITI SEBENAR PENGGUNA TAMAN	TEMPOH MASA BERADA DI TAMAN	MENGIKUT KESESUAIAN AKTIVITI PENGUNJUNG
AKTIVITI DAN PROTOKOL					
Tindakan		Penerangan Ringkas			
Kawalan aktiviti		Rondaan bagi pemantauan aktiviti yang dilakukan pengunjung bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi.			
Penutupan kawasan Taman permainan kanak-kanak, children waterplay dan outdoor gym		Ditutup sepenuhnya. Kawal selia untuk memastikan tiada pencerobohan.			
Kebersihan pengunjung diri		<ul style="list-style-type: none"> • Menggalakkan pengunjung membawa sendiri cecair pembasmi kuman, tisu anti bakteria atau menyediakan kawasan cuci tangan dengan sabun. • Meletakkan papan tanda peringatan kepada pengunjung taman berkenaan etika menjaga kebersihan. 			
Bangku taman dan wakaf		Bangku taman dan wakaf perlulah di tanda pangkah dengan jarak 1 meter bagi mengalakkan penjarakan sosial.			
Pemakaian topeng muka		Pengunjung taman yang menjalankan aktiviti rekreasi aktif tidak perlu memakai topeng muka manakala pengunjung taman yang menjalankan aktiviti pasif di galakan untuk memakai topeng muka.			



Garis Panduan Penggunaan Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang

(Pengurusan Taman-Penyelenggaraan)

Aktiviti yang dibenarkan

1. Penyelenggaraan landskap lembut dan kejur.
2. Penyelenggaraan pokok tumbang / sekah / kecemasan.
3. Pembersihan taman dan sisa pepejal.
4. Pemotongan rumput.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Tidak menjaga penjarakan sosial antara pekerja kecuali melibatkan pengendalian berkumpulan secara sementara.
- Berehat beramai-ramai (jarak kurang 1 meter).

Arahan Tetap / Catatan

1. Operasi penyelenggaraan pada jam 7 pagi – 6 petang, kecuali waktu-waktu kecemasan.
2. Keperluan merekod kehadiran serta suhu badan pekerja setiap hari.
3. Memakai *face mask* oleh setiap pekerja sepanjang bertugas.
4. Penjagaan penjarakan sosial.

WAKTU OPERASI	MENGIKUT OPERASI SEBENAR TAMAN	KAPASITI PEKERJA	100%	TEMPOH MASA BERADA DI TAMAN	WAKTU PEJABAT
---------------	--------------------------------	------------------	------	-----------------------------	---------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Operasi penyelenggaraan	Dilaksanakan seperti biasa dengan kaedah kawalan jarak minimum 1 meter antara pekerja, kecuali melibatkan kerja berkumpulan bersifat sementara seperti mengangkat barang berat.
Mengambil dan merekod suhu badan pekerja	Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja. Hanya pekerja taman yang mempunyai suhu normal dan tidak melebihi 37.5 darjah Celsius sahaja di benarkan untuk bekerja.
Kawalan bilangan pekerja dan penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none"> • Perancangan kaedah pelaksanaan kerja secara teratur. • Taklimat pematuhan SOP KKM untuk pekerja. (jika perlu)
Kawalan kebersihan	Kontraktor dikehendaki menyediakan topeng muka dan pencuci tangan dan memastikan pekerja memakai pada setiap masa di dalam kawasan taman.
Saringan pekerja	Kontraktor dikehendaki memastikan pekerja terutamanya pekerja asing bebas daripada Covid-19. (jika perlu)



Garis Panduan Penggunaan Taman Rekreasi Awam dan Kawasan Lapang

(Pengurusan Taman-Pengurusan Penjaja)

Aktiviti yang dibenarkan

- Penyediaan khidmat secara 'Take Away' sahaja untuk penyedia makanan
- Sewaan basikal, papan luncur, e-scooter dan 'bubble and balloon'.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Pengambilan makanan secara sendiri oleh pelanggan adalah tidak dibenarkan.
- Sebarang aktiviti yang tidak mematuhi penjarakan sosial adalah tidak dibenarkan

Arahan Tetap / Catatan

- Tiada sebarang perhimpunan atau sukan berkumpulan yang tidak mematuhi penjarakan sosial.
- Keperluan merekod kehadiran penjaja serta suhu badan pekerja setiap hari.
- Memakai *face mask* oleh setiap pekerja sepanjang bertugas.
- Penjagaan penjarakan sosial.

WAKTU OPERASI	MENGIKUT OPERASI SEBENAR TAMAN	KAPASITI PENGUNJUNG	KAPASITI SEBENAR PENGGUNA TAMAN	TEMPOH MASA BERADA DI TAMAN	MENGIKUT OPERASI SEBENAR TAMAN
---------------	--------------------------------	---------------------	---------------------------------	-----------------------------	--------------------------------

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Operasi penjaja makanan	Dilaksanakan secara <i>take away</i> dan digalakkan penggunaan <i>cashless</i> untuk mengelakkan sentuhan.
Mengambil dan merekod suhu badan pekerja	Mengambil dan merekod suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja.
Kawalan bilangan pekerja dan penjarakan sosial	<ul style="list-style-type: none"> Perancangan kaedah pelaksanaan kerja secara teratur. Elakkan penjaja berkumpul hanya di sesuatu kawasan.
Kawalan kebersihan	Penjaja dikehendaki menyediakan topeng muka dan pencuci tangan untuk pekerja. Sampah juga perlu dilupuskan dengan sempurna.
Sanitasi peralatan	Penyedia perkhidmatan sewaan perlulah mensanitasi setiap peralatan yang disewa sebelum digunakan oleh pengunjung lain.

Rujukan: 1- SOP sukan dan rekreasi 2.0, KBS 2020